

Usah perjudi nyawa anak dalam kenderaan

Ibu bapa disaran tidak ambil mudah susulan penangguhan saman, kompaun CRS

Oleh NURUL RIDUAN NOR ASHAHA

SHAH ALAM

Ibu bapa tidak seharusnya memperjudikan nyawa anak masing-masing walaupun penguatkuasaan saman berhubung penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak (CRS) yang sepatutnya bermula semalam ditangguhkan.

Pakar keselamatan jalan raya daripada Jabatan Kesihatan Komuniti, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia, Profesor Dr Kulanthayan KC Mani menegaskan, kanak-kanak akan lebih selamat jika duduk di kerusi keselamatan berbanding duduk di atas riba orang dewasa.

Bahkan katanya, kanak-kanak yang tinggi mereka kurang 135 sentimeter juga tidak sesuai memakai tali pinggang keledar.

"Apabila kanak-kanak duduk di dalam kerusi keselamatan, mereka jauh lebih selamat daripada duduk di atas riba orang dewasa atau menggunakan tali pinggang keledar.



Kerajaan menangguhkan pelaksanaan saman dan kompaun kerusi keselamatan kanak-kanak yang sepatutnya dimulakan pada 1 Julai.



DR KULANTHAYAN

"Sebabnya tali pinggang keledar ini untuk orang dewasa, bukan kanak-kanak.

"Golongan kanak-kanak ini tidak seharusnya menggunakan tali pinggang keledar.

"Kalau ketinggian mereka kurang 135 sentimeter atau berat badan kurang 36 kilogram, bermaksud mereka tidak sesuai memakai tali pinggang keledar," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas penangguhan penguatkuasaan saman dan kompaun pemakaian CRS selepas peraturan berkenaan mula



dilaksanakan pada 1 Januari lalu.

Tegasnya, walaupun pengeluaran saman itu ditangguhkan, penggunaan CRS wajar diteruskan kerana produk itu mampu menyelamatkan nyawa kanak-kanak andainya berlaku kemalangan jalan raya.

"Kalau setiap pengguna jalan raya melihat setiap produk keselamatan jalan raya sebagai satu kemestian, sebenarnya kita tidak perlu tunggu sama ada wujud atau tidak peraturan berkaitan.

"Ini memandangkan asas kegunaan produk keselamatan itu adalah untuk keselamatan diri sendiri, bukan sekadar memenuhi keperluan perundangan semata-mata," kata beliau.

Segerakan penguatkuasaan kerusi keselamatan kanak-kanak

SHAH ALAM - Bekas Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (Miros), Dr Siti Zaharah Ishak berharap kerajaan dapat melaksanakan penguatkuasaan penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak (CRS) untuk kenderaan peredaran dengan segera.

Siti Zaharah yang juga pakar keselamatan jalan raya daripada Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi Mara (UiTM) menegaskan, penguatkuasaan perlu dilakukan memandangkan tempoh enam bulan pelaksanaannya telah berakhir kelmarin.

"Kalau tanya saya sebagai bekas ketua pengarah yang mempromosi dan membawa kepada menteri terdahulu, sudah tentu saya harap perkara ini dapat diteruskan seperti yang dirancang.

"Sebab perancangan Miros adalah untuk mewajibkan pemakaiannya tetapi

pendekatan kementerian pada ketika itu mahu penguatkuasaan yang lembut dalam tempoh enam bulan bermula 1 Januari lalu," katanya kepada *Sinar Harian*.

Siti Zaharah sebelum ini merupakan individu yang mengetuai Miros dengan membawa cadangan pelaksanaan penggunaan CRS kepada Menteri Pengangkutan pada masa itu, Anthony Loke Siew Fook.

Peraturan mewajibkan pemakaian CRS bermula sejak 1 Januari lalu dan tindakan saman akan dikenakan terhadap mereka yang ingkar selepas tamat tempoh enam bulan pertama.

Dalam perkembangan sama, beliau menambah Miros pada ketika ini sudah memainkan peranan yang sewajarnya dan membantu agensi lain seperti Jabatan Keselamatan Jalan Raya dalam usaha mendidik serta memberi pemahaman kepada pengguna betapa pentingnya

pemakaian CRS.

"Memang hasrat saya mahu kerajaan terus dapat mempertimbangkan dan mempercepatkan penguatkuasaan.

"Miros perlukan petunjuk yang jelas daripada kerajaan sekarang," katanya.

REAKSI CRS



Penggunaan CRS adalah sesuatu yang sangat penting kerana ia melibatkan keselamatan si kecil ketika

berada di dalam kenderaan. Saya kurang bersetuju dengan tindakan penangguhan penguatkuasaan saman oleh kerajaan, kerana tanpa saman rakyat sukar menunjukkan kepatuhan terhadap sesuatu undang-undang. Mungkin kerajaan perlu teruskan langkah saman, namun pada kadar yang tidak terlalu tinggi supaya tidak terlalu membebankan rakyat." - Fathin Athirah Hasli, 28, eksekutif



Seeloknya pada peringkat awal ini penguatkuasaan lebih ke arah mendidik serta memberi kesedaran

kepada pengguna. Berdasarkan pengalaman saya sendiri, bukan mudah untuk melatih anak-anak duduk diam di kerusi CRS dan memerlukan masa supaya mereka faham betapa pentingnya kerusi itu apatah lagi saya mempunyai anak autisme." - Nor Muhamat Hauzar Hairone, 36, perunding hartanah



Saya pernah terbaca berita kemalangan yang teruk tetapi bayi di dalam kereta itu terselamat kerana

diletakkan di dalam kerusi CRS. Jadi ia menunjukkan kerusi itu sangat memberi manfaat dan kerajaan digesa supaya tidak menangguhkannya. Jangan perjudikan nasib anak kecil yang berada di dalam kenderaan."

- Jeremy Chee Mun Hoe, 31, pengurus acara



Terdapat pelbagai pilihan CRS di pasaran untuk memenuhi keperluan ibu bapa.